

## MSM CAPAI SIFAR KECEDERAAN MASA HILANG (LTI) BAGI KESELAMATAN UNTUK LIMA BULAN PERTAMA 2022

**PRAI, JUN 13, 2022** – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) komited untuk menyediakan persekitaran kerja yang sihat dan selamat serta secara aktif memacu usaha pencegahan kemalangan merentasi semua operasi. Sempena Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja yang diraikan setiap tahun pada 28 April, MSM melalui anak syarikatnya MSM Prai Berhad (MSM Prai) menganjurkan Minggu Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan yang diisi dengan program kesihatan dan keselamatan. Inisiatif yang sama juga dilaksanakan oleh MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd (MSM Johor) dan MSM Sungai Buloh Warehouse (MSM SBW) pada Mei 2022.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad berkata “Kesihatan dan Keselamatan adalah keutamaan di MSM. Kumpulan MSM berusaha untuk tidak membahayakan individu, alam sekitar dan harta benda. Kami melihat kesihatan dan keselamatan antara kunci utama untuk memastikan pemulihan dan pertumbuhan perniagaan yang mampan.”

“Kami berbangga kerana untuk tahun 2022, semua anak syarikat MSM telah mencapai 5 bulan berturut-turut (Januari hingga Mei) sifar Kecederaan Masa Hilang (LTI) atau 2,351,697 jam kerja selamat yang berkaitan dengan insiden industri. Pencapaian itu menandakan penambahbaikan berterusan MSM untuk kesejahteraan pekerja dan keselamatan tempat kerja serta memacu budaya keselamatan yang lebih tinggi dan kami akan terus menumpukan usaha ke arah sifar LTI,” kata Syed Feizal semasa pelancaran Minggu Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan MSM Prai.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Pulau Pinang, Hanisah Binti Ahmad, Ketua Operasi MSM Prai, Cheah Poh Lye dan Ketua Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Alam Sekitar dan Sekuriti Kumpulan MSM, Radzlan Bin Ramli

Satu lagi penambahbaikan untuk mengubah budaya keselamatan di semua anak syarikat MSM ialah pelaksanaan inisiatif utama U See U Act, untuk menggalakkan pekerja untuk mengenalpasti dan melaporkan apa sahaja yang boleh mendatangkan bahaya kepada



keselamatan serta membuat penambahbaikan di tempat kerja. Kadar insiden keselamatan menurun sebanyak 24% pada 2021, berbanding 2020.

Tambahan pula, semua anak syarikat MSM diperakui dengan ISO 45001:2018 oleh SIRIM QAS International. ISO 45001:2018 menetapkan keperluan untuk sistem pengurusan Pekerjaan, Kesihatan dan Keselamatan (OH&S) dan memberi panduan untuk penggunaannya bagi membolehkan organisasi menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat dengan mencegah kecederaan dan keuzuran yang berkaitan dengan kerja, serta menambah baik secara proaktif prestasi OH&S mereka.

Antara aktiviti yang disediakan sepanjang Minggu Kesihatan dan Keselamatan ialah Pameran dan Ceramah oleh JKKP Pulau Pinang, Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Tengah, Agensi Anti-dadah Kebangsaan (AADK), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Seberang. Jaya dan Jabatan Bomba dan Penyelamat (BOMBA) Seberang Perai Tengah serta Saringan Kesihatan Asas dan program berkaitan kesihatan dan keselamatan.

MSM telah mewujudkan sistem pengurusan Keselamatan dan Kesihatan yang mengutamakan standard keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang tinggi untuk pekerja dan pihak ketiga selaras dengan Piawaian Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan MSM. Ini mematuhi piawaian industri kesihatan dan keselamatan antarabangsa dan tempatan dengan memenuhi keperluan dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Akta Kilang & Jentera 1967.

MSM komited sepenuhnya untuk menyediakan tempat kerja yang selamat, kondusif dan sihat dengan mencegah kecederaan yang berkaitan dengan kerja, kemalangan hampir kena, dan kesihatan pekerjaan dengan meningkatkan dan menambah baik proses dan prestasi keselamatan dan kesihatan pekerjaan secara proaktif.

**-TAMAT-**



### **Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)**

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) ialah pengeluar gula bertapis terkemuka Malaysia dan salah satu syarikat penapis gula terbesar di Asia. MSM terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama "Gula Prai". Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan sebuah syarikat logistik – MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2021, MSM mengeluarkan sebanyak 895,222 tan gula bertapis, di mana 246,101 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai sehingga 60% syer pasaran domestik. MSM telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak 2011 dan mempunyai modal pasaran sebanyak RM900 juta setakat 31 Disember 2021. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis antara lain-lain produknya. Selain daripada produk pengguna isi rumah, MSM menjual kepada pelbagai pelanggan di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung melalui pedagang, pemborong dan pengedar. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar dalam industri minuman dan makanan, hotel, restoran dan rangkaian kedai-kedai makanan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.msmsugar.com](http://www.msmsugar.com)

### **Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan**

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

### **Untuk pertanyaan media sila hubungi:**

**Siti Noorbaya Mohd Yunus**  
+603 2181 5018 ext. 158  
+6016 677 6118  
[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

**Syahidah Ismail**  
+603 2181 5018 ext. 154  
+6019 225 9705  
[syahidah.i@msmsugar.com](mailto:syahidah.i@msmsugar.com)